



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
IKLAN JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh iklan ditutup adalah dipelawa memohon jawatan-jawatan sebagaimana di bawah. Keutamaan akan diberi kepada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang telah menduduki Negeri Johor tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut.

A. NAMA JAWATAN :

<u>BIL</u>	<u>JAWATAN</u>	<u>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</u>	<u>GREDE</u>	<u>TARAF JAWATAN</u>
1.	Pembantu Penguat Kuasa	Keselamatan Dan Pertahanan Awam	KP19	Kontrak (Lelaki Sahaja)

B. JADUAL GREDE GAJI :

Jawatan 1 : Gred KP19 : RM1,360.00 - RM4,052.00

C. SYARAT-SYARAT LANTIKAN :

Semua jawatan hendaklah terdiri daripada **WARGANEGARA MALAYSIA**.

JAWATAN 1 - PEMBANTU PENGUAT KUASA GREDE KP19

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau
- (ii) bekas anggota Polis atau Tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,416.40); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,473.00)

- (v) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut :-
- (a) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (b) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (c) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (d) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (e) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (f) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (g) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon yang memiliki kelayakan di perenggan (i), (iii) dan (iv) di atas hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

D. DISKRIPSI TUGAS

Menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan tempat letak kereta.

E. UMUR :

Calon bagi lantikan hendaklah berumur :

- (a) Tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; **DAN**
- (b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

F. CARA MEMOHON :

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang MBBB/BSM/2014/1 yang boleh didapati daripada Bahagian Sumber Manusia, Aras 4, Bangunan Majlis Bandaraya Johor Bahru **ATAU** pemohon boleh muat turun borang permohonan daripada laman web Majlis Bandaraya Johor Bahru di alamat www.mbbb.gov.my.
- (b) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat mestilah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan mengikut Perintah Am Bab 'A' Bil.17 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) Tahun 2005 dan pastikan Laporan Penilaian Prestasi dan Penyata Perkhidmatan yang dikemaskini disertakan bersama-sama.
- (c) Tarikh tutup permohonan ialah pada 24 OGOS 2016.
- (d) Semua permohonan hendaklah **DISERTAKAN DENGAN SALINAN SIJIL YANG DIAKUI SAH DAN JUGA GAMBAR BERUKURAN PASPOT YANG TERBARU** dan alamatkan kepada :-

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
PETI SURAT 232
80720 JOHOR BAHRU**
- (f) Untuk maklumat lanjut sila layari laman web rasmi Majlis Bandaraya Johor Bahru di alamat www.mbbb.gov.my.

G. CATATAN AM :

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (b) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggung jawab calon sendiri.
- (c) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.